30

# Badan-badan silat dishor tubuh pasukan tahanan

16 AUG 1972

PERSATUAN - Persatuan silat di kampung - kampung dishorkan hari ini supaya menubuhkan pasukan pertahanan kampung bagi menjaga keselamatan tempat tinggal mereka.

Penubuhan pasukan-pasukan seperti itu, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Enchik Shariff Ahmad, bukan saja dapat mengembangkan seni silat, juga menchegah perkara - perkara sumbang berlaku dalam kampung.

### Mengeshorkan

Enchik Shariff mengeshorkan demikian ketika beruchap di Majlis ulangtahun kedua Silat Saka di Kampong Melaka, Batu 9 dekat sini petang ini.

Katanya, jika daerah Kajang ini mempunyai pasukan - pasukan itu, barangkali perkara-perkara sumbang yang terjadi dalam "woodstock" tidak akan berlaku karena mereka dapat menjalankan tugas-tugas untuk menchegahkannya.

KAJANG, Selasa

"Sekarang karena ada-nya pesta Woodstock itu disini, nama baik daerah Kajang telah menjadi buruk," tambah beliau.

Beliau kemudian menyeru Persatuan-persatuan silat supaya jangan malu-malu menyebarkan kebudayaan Melayu yang tulin itu.

Enchik Shariff seterusnya menasihatkan orang-orang Melayu supaya jangan suka berdengki terhadap orang lain.

"Kejatuhan orang-orang Melayu adalah karena perasaan dengki dan kita mesti mengikisnya jika mahu maju", tambah beliau.

Lebih 500 orang, termasuk Penghulu Cheras juga Naib Ketua UMNO Bahagian Ulu Langat menghadhiri majlis tersebut. — (H. N.).

# Murid silat mati oleh tendangan guru

BUTTERWORTH, Isnin. — Sa-orang murid kelas silat di-Sungai Dua di-sini meninggal dunia malam tadi akibat satu tendangan yang di-terima-nya sa-masa berlateh.

5 SEP 1972

Muhamad Salleh bin Haji Hassan, 20 tahun, telah jatoh dan terus mati sa-telah menerima tendangan pertunjokan dari guru-nya pada kira2 jam 10.30 malam.

Abang Salleh, Ahmad, 26 tahun, yang ikut serta dalam latehan itu berkata bahawa latehan itu ia-lah yang pertama untok penuntut2 kelas yang baru di-tubohkan.

Guru silat itu ia-lah sa-orang pendekar dari Kedah.

Mayat Salleh telah di-bawa ka-hospital untok di-siasat.

Polis telah menahan sa-orang lelaki untok di-soal.

# UPACHARA SAMPAI TAULIAH

SINGAPURA, Isnin. – Upachara menyampaikan tauliah kapada peserta2 kursus silat gayong Persatuan Wanita dan Teruna telah di-adakan di-Madrasah Alsagoff kelmarin.

Majlis itu di-selingi dengan pertunjokan beberapa jenis silat Melayu oleh pertubohan2-sa-tempat.

Ikut menyaksikan upachara yang berjalan lebeh sa-jam itu ia-lah pemimpin2 Majlis Pusat Pertubohan2 Budaya Melayu.

23 AUG 1972

Gambar atas menunjokkan Che Sa'ayah binti Haji Hassan kelihatan sedang menyampaikan tauliah kapada sa-orang peserta, Buang Bohari. Gambar BH oleh Rawi Ahmad.

# Seni Silat Gayung Raja Wali ditubuh

7 OCT 1972

BATU PAHAT, Jumaat. — Persatuan Belia Parit Raja telah menubuhkan sebuah pasukan Seni Silat Gayung Raja Wali yang dianggutai oleh 20 orang belia dari sekitar daerah itu kira-kira dua bulan lalu.

Encik Anal bin Haji Ali, ketua pasukan tersebut memberitahu Berita Harian bahawa inilah kumpulan seni silat gayung yang pertama ditubuhkan di daerah ini.

Walau pun daerah ini terkenal dengan kumpulan seni silat yang disertai oleh lebeh 2,000 orang ahli tetapi mereka hanya tertarik dengan seni silat Jawa sahaja.

Silat Melayu, sendeng dan seni silat gayung merupakan salah satu perkembangan yang baru kepada peminat-peminat kesenian di daerah ini.

Kumpulan Seni Silat Gayung Raja Wali Parit Raja dipimpin oleh seorang pendekar yang berasal dari Indonesia Encik Jaafar bin Buang.

Kali pertama kumpulan ini tampil didepan orang ramai ialah menjelang Hari Kebangsaan yang dirayakan oleh penduduk-pnduduk Mukim Lapan yang berlangsung di Sekolah Menengah Tun (Dr.) Ismail di Parit Raja baru-baru ini.

Gambar atas menunjukan sebahagian dari ahli-ahli kumpulan seni tersebut. — Gambar dan berita oleh Jailani Awang.